

# Kita masih miskin sudah malas

Oleh Zainudin Maidin

KETUA PENGARANG (AKHBAR) KUMPULAN UTUSAN MELAYU  
UM 9 NOV 1983

**DI DALAM** lawatannya ke sesuatu tempat beliau sengaja melawat tandas kerana kepercayaannya bahawa keadaan tandas adalah menggambarkan sikap seseorang, sikap pemimpin dan penduduk setempat.

Beliau menyebutkan tentang wang beribu dibelanjakan untuk mendirikan tandas di sebuah daerah tetapi tandas itu hanya dibuka pada hari tertentu sahaja, kononnya untuk jaga kebersihan.

lai mereka.

**Dr. Mahathir:** Saya mahu membawa perubahan dan saya percaya perubahan boleh berlaku dan tetap akan berlaku. Orang - orang Melayu akan sanggup menerima perubahan.

Orang - orang Melayu pada mulanya tidak tahu berpolitik, tetapi sekarang mereka menjadi orang - orang yang pandai menyusun dan menjalankan pertubuhan politik.

Dahulu orang - orang Melayu tidak berani bercakap di depan orang ramai, tetapi sekarang perasaan segan dan malu mulai berkurangan, mereka menjadi berani dan mereka tidak takut naik ke atas pentas untuk menyuarakan pendapat mereka.

Kita semua berubah, saudara sendiri berubah. **Zam:** Apabila kita membawa perubahan, maka kita akan melalui proses perubahan yang sama seperti yang telah dilalui oleh negara - negara maju, kita akan menerima nilai - nilai mereka.

**Dr. Mahathir:** Tentu lah akan ada baik dan buruknya.

**Zam:** Doktor selalu mengkritik orang - orang Inggeris sebagai orang orang yang malas dan mengemukakan contoh orang - orang Jepun dan juga orang - orang Amerika sebagai orang yang rajin, tetapi orang - orang Inggeris diketahui sebagai satu bangsa yang tidak terlalu mementing-

layu mengambil semua nilai - nilai Jepun.

Saya mahu mereka mengambil yang baik sahaja seperti ketekunan dan kerajinan kerja.

**Zam:** Tetapi Doktor nampaknya ada semacam "pelarian" orang - orang Melayu dari perubahan besar yang hendak dibawa ke dalam masyarakat mereka.

Kita melihat "pelarian" ini berlaku secara tidak langsung. Mungkin ini ialah oleh kerana orang-orang Melayu tidak bersifat kebendaan (materialistic) Mereka adalah berpuas dengan keadaan yang ada, cukup sekadar yang ada.

Kita melihat pelarian ini berlaku dengan mereka menganggotai kumpulan - kumpulan agama

yang menolak nilai - nilai moden, yang menunjukkan keinginan untuk kembali ke belakang menerusi pakaian, sikap dan sebagainya. Saya kira ini adalah pelarian.

**Dr. Mahathir:** Perkara seumpama ini tidak hamanya berlaku di dalam masyarakat Melayu malah juga di dalam masyarakat negara-negara maju yang lain, umpamanya timbul kumpulan fanatik agama di dalam masyarakat Amerika.

Tetapi yang penting bagi kita ialah terus meyakinkan golongan terbanyak terhadap faedah - faedah kemajuan dan pembaharuan.

**Zam:** Penyakit masyarakat perusahaan atau

Beliau telah menukarkan seorang kaki-tangan kerajaan di sebuah daerah di Kedah kerana tidak menjalankan tanggungjawabnya menjamin kebersihan tandas awam.

"Saya telah melawat tandas itu sebelumnya dan mendapati sangat kotor, saya telah memberitahunya supaya membersihkannya tetapi saya mendapati keadaan yang serupa bila saya melawat sekali lagi.

"Saya arah supaya dia ditukarkan, saya tahu dia orang kuat UMNO tetapi saya tidak peduli, dia tidak menjalankan tugasnya", kata beliau.

Baru - baru ini saya mengikuti lawatannya ke Labuan Sabah. Kira - kira jam 6.30 pagi saya dengar bunyi siren kereta pembesar lalu, tidak ada pembesar lain di pulau itu ketika itu, tentunya Dr. Mahathir atau Datuk Harris Salleh.

Saya menjenguk keluar dari tingkap hotel dan nampak Perdana Menteri Malaysia di dalam kereta. Beliau tidak main golf, ke mana beliau pergi pagi - pagi?

"Kalau begitu, kita bina jalan raya dengan belanja berjuta dan kemudian jangan bernantikan kenderaan lalu, tidak ada kemalangan berlaku, jalan pun tidak rosak, tidak ada masalah", kata Dr. Mahathir.

Masih ramai yang tidak memahaminya, tidak sahaja rakyat biasa malah mungkin pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai. Setengahnya tidak terkejut dengan kepantasannya berfikir, bergerak dan bertindak.

Dalam satu dialog dengannya baru - baru ini saya mengemukakan kepadanya bahawa Doktor mahu membawa perubahan terlalu cepat, tidak terkejut oleh orang.

Dr. Mahathir: Saya pula merasakan terlalu lambat.

Zam: Doktor mahu membawa perubahan di dalam masyarakat Melayu, mahu menukarkan sikap mereka dan perubahan - perubahan ini akan mencabar nilai -

nilai kebendaan, kebanyakan mereka berpuas dengan apa yang ada. Mereka utamakan masa rehat, bercuti dan tidak menjadi hamba kepada kerja.

Orang - orang Jepun menjadi rajin adalah kerana masalah survival, tanah yang berbatas, tidak ada sumber alam.

Dr. Mahathir: Betul, tetapi masalahnya ialah orang - orang Inggeris menjadi malas sesudah jadi kaya, sesudah men-pantas bangsa yang kuat tetapi orang - orang Melayu belum kaya lagi sudah malas.

Kalau sudah kaya, kemudian ada orang malas maka kita akan kekal juga sebagai bangsa yang kuat, tetapi kalau semua masih miskin, sudah malas bagaimana?

Apabila saya menyu-

ruh orang Melayu melihat ke Jepun atau Pandalang Ke Timur, maka bukanlah saya mahu supaya orang - orang Me-

negara maju berbagai - berbagai. Di antaranya yang paling serius ialah keserangan dan kesepian. Kita mempercepatkan kedatangan penyakit ini ke dalam masyarakat kita dengan membawa masuk segala teknologi baru, kita menggalakkan penggunaan komputer. Doktor sendiri kalau boleh mahu setiap sekolah mempunyai komputer, tetapi ahli - ahli sains kemasyarakatan mengang-gap bahawa komputer sebagai pemisah hubungan antara manusia.

Mereka berpendapat bahawa komputer adalah sejenis sukan bersendirian. Kita bukannya bercakap dengan manusia, bukan bertentang mata dengan mata tetapi dengan alat. Alat yang bercakap, memberikan maklumat dan sebagainya.

Dr. Mahathir: Kalau kepercayaan ini kita pegang maka kita kenalah balik ke zaman batu, kita berhubung dengan manusia sahaja, tidak usah ada televisyen, radio dan

sebagainya. Senarian kita duduk bercakap dengan keluarga sahaja maka kita menjadi masyarakat yang mempunyai ikatan kekeluargaan yang kuat.

Tetapi apakah ini yang kita mahu, adakah kita mahu terus tinggal sebagai masyarakat manusia yang mundur. Adakah dengan menolak nilai - nilai moden kita boleh maju, ke mana kita hendak pergi?

Kita mahu dunia melihat kita sebagai satu bangsa yang ketinggalan, sebagai orang - orang yang tidak tahu menggunakan teknologi baru, tidak tahu menggunakan komputer. Apakah ini yang kita mahu?

**Zam:** Saya bersetuju bahawa kita mesti membawa perubahan di dalam masyarakat kita tetapi kita tidak boleh memaksa orang menerima perubahan.

**Dr. Mahathir:** Kita tidak memaksa sesiapa-pun, kita mendidik masyarakat supaya menerima perubahan, kita memberitahu mereka tentang perlunya perubahan, tetapi tenaga - tenaga kerja yang tidak dapat digunakan untuk membawa perubahan mestilah ditukar.

**Zam:** Bagaimanapun saya tetap percaya ba-

hawa proses perubahan adalah tetap sama. Contoh ke arah menjadi bangsa yang maju tetaplah Barat. Jepun maju mengikut acuan Barat. Dalam banyak hal Jepun meniru Barat. Tidakkah kita juga akan menerima nilai - nilai ini.

**Dr. Mahathir:** Saya tidak bercadang untuk menjepunkan atau mengamerikakan rakyat negeri ini tetapi untuk menjadikan mereka orang - orang Malaysia, orang - orang Malaysia yang bermaruah.

**Zam:** Tetapi saya tetap percaya, secara tidak sedar kita akan menerima nilai - nilai Barat dan pada akhirnya kita akan dikuasai oleh nilai - nilai negara - negara maju.

Nixon dan Tanaka sudahpun timbul di dalam masyarakat kita.

**Dr. Mahathir:** Sudah semestinya akan ada nilai baik dan nilai buruk tetapi kalau kita tidak mahu bergerak ke arah kemajuan, kalau kita tidak mahu menerima pemodenan, maka ke mana kita?